

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 October 2015

Najib hanya saman jika WSJ tidak guna SPEECH Act *um - 1/10/2015*

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Perdana Menteri. hanya akan memfailkan tindakan undang-undang terhadap akhbar *The Wall Street Journal* (WSJ) jika syarikat media tersebut memberi akujanji tidak akan mengguna pakai peruntukan dalam *Securing the Protection of our Enduring and Established Constitutional Heritage* (SPEECH) Act (Akta Mendapatkan Perlindungan Berterusan Warisan Perlembagaan).

Akta tersebut menurut peguam Datuk Mohd. Hafarizam Harun yang mewakili Datuk Seri Najib Tun Razak, adalah untuk melindungi syarikat WSJ daripada sebarang tindakan saman htnah yang datang dari negara luar yang didakwa tidak begitu demokrasi dan sistem perundangannya tidak sebebaskan Amerika Syarikat (AS).

Menjelaskan perkara tersebut kepada media, Mohd. Hafarizam berkata, pihaknya perlu memastikan terlebih dahulu perkara itu sebelum membuat sebarang tindakan lanjut.

Hal demikian kerana, katanya, saman htnah daripada pihak atau negara luar adalah tidak boleh dikuatkuasakan di AS melainkan

pihak berkuasa di negara yang berkenaan itu juga mengamalkan kebebasan bersuara.

Mohd. Hafarizam berkata, jika beliau memfailkan tindakan saman anak guamnya itu terhadap WSJ di mahkamah di negara ini dan berjaya mendapatkan penghakiman, pihaknya perlu pergi ke negara tersebut untuk menguatkuasakan perintah berkenaan.

Namun begitu, tambah beliau, pihaknya perlu menunjukkan, adakah kebebasan bersuara yang diamalkan di Malaysia adalah sama seperti yang dipraktikkan di AS.

WSJ pada 2 dan 6 Julai lalu menyiarkan artikel yang mendakwa, Najib menyeleweng hampir AS\$700 juta (RM2.6 bilion) wang IMalaysia Development Bhd. (IMDB).

Mohd. Hafarizam memberitahu pemberita bahawa, pihaknya telah menulis surat kepada peguam Philip Jeyaretnam yang berpangkalan di Singapura mewakili WSJ pada pertengahan September lalu.

Katanya, beliau bertanyakan sama ada mereka akan menggunakan akta berkenaan atau tidak namun masih belum menerima sebarang maklum balas.